

Latihan Terancang untuk Meningkatkan Kemahiran Improvisasi Trombon Jazz Bebop menggunakan Lagu Nyanyian Zain Azman

Mohamad Khairul Anuar Mohamad Shapie¹ & Tham Horng Kent²
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 e-mail: jazzmalayamusic@gmail.com¹, kent@fmspi.com²

Article received: September 30, 2024

Article accepted: May 6, 2025

Article published: June 23, 2025

Cite this article (APA): Mohamad Shapie, M. K., & Kent, T. H. (2025). Latihan terancang untuk meningkatkan kemahiran improvisasi trombon jazz bebop menggunakan lagu nyanyian Zain Azman. *Jurai Sembah*, 6(1), 61-67. <https://doi.org/10.37134/juraisembah.vol6.1.7.2025>

Abstrak

Fokus kajian ini adalah mengenai strategi penggunaan Amalan Deliberat (*Deliberate Practice*) untuk meningkatkan keupayaan melakukan improvisasi bebop jazz pada trombon. Amalan Deliberat merujuk kepada pendekatan latihan yang dirancang secara sistematik dan dijalankan secara berulang untuk mempertingkatkan kemahiran individu serta memperkukuh keupayaan dalam bidang khusus, termasuk pendidikan muzik. Dalam konteks kajian ini, setiap sesi Amalan Deliberat berlangsung selama satu hingga dua jam dan dibahagikan kepada tiga peringkat utama: pemanasan, bermain lagu, dan improvisasi. Peringkat pemanasan bertujuan untuk menyediakan asas teknikal dan fizikal bagi pemain sebelum beralih kepada permainan lagu yang lebih kompleks. Peringkat improvisasi pula memberi tumpuan kepada penerokaan kreativiti dan pengembangan proses artistik berdasarkan garis improvisasi bebop. Matlamat utama Amalan Deliberat dalam kajian ini adalah untuk merangsang idea kreatif, membentuk ekspresi artistik yang lebih mendalam, dan meningkatkan kemahiran improvisasi dalam lagu-lagu Zain Azman mengikut garis bebop. Selain aspek teknikal, penyelidik turut memberi penekanan kepada pembangunan kompetensi instrumental dan pemupukan pemikiran positif serta motivasi dalam kalangan pemain trombon sepanjang sesi Latihan

Kata kunci: bebop line, deliberate practice, improvisation, jazz trombonist, Zain Azman

Abstract

This study focuses on the strategic use of Deliberate Practice to enhance the ability to perform bebop jazz improvisation on the trombone. Deliberate Practice refers to a systematically planned and repeatedly executed training approach aimed at improving individual skills and strengthening proficiency in a specific field, including music education. In the context of this study, each Deliberate Practice session lasted one to two hours and was divided into three main stages: warm-up, playing songs, and improvisation. The warm-up stage was designed to provide the technical and physical foundation for the player before progressing to more complex song performances. The improvisation stage focused on exploring creativity and developing the artistic process based on bebop improvisation lines. The primary goal of Deliberate Practice in this study was to stimulate creative ideas, shape deeper artistic expression, and improve improvisation skills in Zain Azman's compositions based on bebop lines. In addition to technical aspects, the researcher also emphasized the development of instrumental competence and the cultivation of positive thinking and motivation among trombone players throughout the training sessions.

Keywords: bebop line, deliberate practice, improvisation, jazz trombonist, Zain Azman

Pengenalan

Muzik Jazz adalah salah sebuah daripada genre muzik yang terkenal di dunia. Peringkat permulaan muzik Jazz dikaitkan dengan kemunculan muzik ini daripada negeri-negeri yang berada di bahagian selatan Amerika Syarikat. Jazz juga dipercayai merupakan sebuah muzik asal Amerika yang memberikan kesan kepada kemunculan muzik jazz yang semakin merebak ke seluruh dunia. Kemunculan awalnya juga dikaitkan dengan pembebasan hamba-hamba berkulit Hitam yang mempunyai latar belakang dan asal-usul budaya daripada Afrika. Ini membuatkan muzik Jazz mempunyai elemen ritma, harmoni dan melodi yang membentuk tonaliti yang berunsurkan muzik daripada Afrika. Ini dapat dilihat daripada elemen sahut-sahutan atau call and answer, serta elemen ritma syncopated (Jackson, 2018).

Jazz di Tanah Melayu sudah wujud seawal tahun 1940-an. Ini bermakna, semasa Jepun menjajah Malaya, muzik Jazz sudah wujud di Tanah Melayu atau Malaya. Antara pelopor awal yang memperkenalkan Jazz di Tanah Melayu adalah Jimmy Boyle. Beliau merupakan seorang anak jati Pulau Pinang dan berbangsa Eurasia dan merupakan seorang kacukan daripada perkahwinan antara orang Eropah dengan orang Asia. Pada ketika itu, masyarakat Eurasia mewakili sebanyak 1% daripada keseluruhan masyarakat Pulau Pinang pada ketika itu, mereka ini memainkan peranan dalam perkembangan muzik barat di Pulau Pinang. Ini kerana masyarakat tempatan lebih mengutamakan muzik tempatan berbanding dengan muzik barat. Masyarakat Eurasia adalah antara mereka yang banyak bergerak dan membuat persembahan Jazz di kelab dalam Pulau Pinang (Jan, May & Boyle, 2015)

Penulis telah berusaha untuk memahami tentang kemunculan lagu atau album Jazz dalam bahasa Melayu yang pertama. Atas sebab ini, penulis telah membuat wawancara bersama dengan salah seorang pakar Jazz di Malaysia, Datuk Mokhzani Ismail. Melalui wawancara peribadi, Datuk Mokhzani Ismail menyatakan bahawa penyanyi jazz yang terkemuka pada masa itu adalah Zain Azman, Julie Sudiro dan Zainal Abu. Mereka ini menyanyikan lagu Jazz dalam bahasa Melayu dan berkembang seiring dengan kemunculan Big Band Radio Malaya yang pada ketika itu dipimpin oleh Alfonso Soliano (1925-1990) selaku pemimpin Orkestra Radio Malaya.

Zain Azman adalah merupakan salah seorang daripada penyanyi Jazz bahasa Melayu yang terkemuka pada era itu. Beliau banyak menyanyikan lagu ciptaan oleh Alfonso Soliano. Zain Azman mula aktif menyanyi lagu Jazz bermula daripada tahun 1955. Pada tahun 1960-an, beliau telah mendapat perhatian kerana mendapat peluang untuk mengacarakan program hiburan yang tersendiri yang ditayangkan dalam siaran televisyen RTM, yang pada ketika itu dinaungi oleh Tan Sri Ahmad Marican (Fauzee & Juriah, wawancara peribadi, 3 Okt 2021). Era di mana kemunculan Zain Azman, Big Band Radio Malaya dan kepelbagaian gubahan muzik oleh Alfonso Soliano ini juga menyaksikan kemunculan dua pemain trombon jazz yang terkenal iaitu Danny Francisco dan Lim Jit Yoke. Danny adalah merupakan seorang warganegara Filipina namun telah menetap di Malaysia sehingga ke akhir hayat beliau. Lim Jit Yoke pula merupakan seorang anak tempatan yang akhirnya menetap di Kanada selepas berhijrah bersama keluarga beliau. Kehebatan kedua-dua pemain trombon ini masih kekal sehingga ke hari ini disebabkan oleh ketiadaan pelapis baru yang boleh dianggap mampu untuk menggantikan kedua-dua pemain trombon Jazz ini.

Ketiadaan pelapis baru yang mampu bermain seperti kedua-dua pemain trombon yang telah dinyatakan itu adalah kerana pelapis baru tidak mempunyai kebolehan yang hampir dengan Danny dan Lim Jit Yoke. Pertama sekali, mereka mungkin tidak dapat bermain melodi dengan cukup baik untuk dianggap berkebolehan bermain Jazz. Dalam muzik Jazz, melodi cumalah panduan kerana pemain itu sendiri perlu menggunakan kebolehan tersendiri untuk mengindahkan melodi yang telah ditulis. Kedua, pemain trombon yang baru ini tidak mempunyai kemampuan untuk melakukan improvisasi jazz yang berteraskan harmoni dan sedar dengan nada yang mereka mainkan dalam improvisasi. Ilmu improvisasi juga adalah penting bagi pemain trombon untuk membantu mereka menerangkan improvisasi yang mereka telah lakukan.

Ini menyebabkan pengkaji membuat keputusan untuk melakukan kajian yang berteraskan improvisasi Jazz bercirikan bebop lines. Untuk tujuan ini, penulis akan menggunakan lagu Zain Azman sebagai medium untuk improvisasi jazz yang akan dilakukan. Atas dasar yang sama, penulis menekankan proses kreatif yang berpandukan kepada latihan terancang atau *Deliberate Practice*. Penulisan ini akan memfokuskan kepada kaedah latihan, penggunaan dan hasil latihan terancang atau *Deliberate Practice* bagi improvisasi Jazz trombon menggunakan pendekatan bebop pada lagu nyanyian Zain Azman. Improvisasi adalah merupakan salah sebuah

elemen muzik yang penting dalam muzik Jazz, Rock, muzik klasikal India dan beberapa jenis muzik yang lain. Improvisasi Jazz selalunya diajarkan sebagai sebuah proses yang menetengahkan setiap kord dengan arpeggio atau skel yang terbaik (Salvatore, 1970). Improvisasi Jazz juga berfungsi menggunakan formula menghubungkan dua atau empat bar (Fraser, 1983). Malah, improvisasi jazz juga menggunakan perkembangan yang bertujuan (Coker, 2010).

Improvisasi Jazz mempunyai dua jenis iaitu improvisasi idiomatik dan improvisasi tidak idiomatik. Improvisasi idiomatik adalah sejenis improvisasi berteraskan gabungan analisis teori dan gerakan hati yang bersifat artistik. Improvisasi ini dimainkan secara spontan dan berpandukan kepada pergerakan perubahan kord menggunakan susunan harmoni yang bersesuaian. Improvisasi ini dikenali sebagai improvisasi yang tegas, improvisasi bersistematik, improvisasi dengan elemen yang diberikan dan improvisasi dengan sebuah gaya (Sato, 1996 dalam Stenstrom, 2009). Improvisasi tidak idiomatik selalunya digunakan dalam *free jazz* yang merujuk kepada sebuah improvisasi yang bebas tanpa bergantung kepada harmoni, irama, melodi atau *timbre*. *Free Jazz* menggunakan pendekatan improvisasi tidak idiomatik (Bailey, 1993). *Free Jazz* adalah sebuah bentuk jazz yang menolak ciri-ciri dan prinsip jazz yang sedia ada (Berliner, 1994, p. 122).


Improvisasi adalah sebuah teknik yang penting bagi seseorang pemuzik Jazz. Pemain trumpet Jazz, Mile Davis pernah menyatakan bahawa beliau akan bermain dahulu dan menjelaskan mengenai permainan alat muziknya itu kemudian (Szwed, 2012). Selain itu, Charlie Parker, pemain saksofon jazz yang sangat disegani pernah menyatakan bahawa seseorang perlu belajar bermain alat muziknya, kemudian berlatih bersungguh-sungguh. Namun, apabila berdiri di atas pentas, semua itu perlu dilupakan dan pemain perlu bermain mengikut naluri mereka (Pugatch, 2006, p.73). Kenyataan daripada kedua-dua tokoh Jazz ini menunjukkan bahawa walaupun latihan alat muzik itu penting, namun, improvisasi adalah lebih penting di dalam Jazz. Oleh itu, latihan untuk menjadikan seseorang pemain muzik Jazz itu pakar dalam membuat improvisasi dan mengelakkan mereka daripada mengulang teknik improvisasi yang sama. Ini kerana pemuzik yang bermain improvisasi yang sama akan dipandang rendah oleh pemuzik lain dan peminat mereka (Gioia, 1988, p. 52).

Salah sebuah kaedah improvisasi yang digunakan dalam Jazz adalah improvisasi *Bebop lines*. Bentuk improvisasi ini selalunya cenderung untuk menggunakan ritma kuaver, triplet dan semikuaver. Antara ciri-ciri improvisasi *bebop lines* adalah menggunakan arpeggio, skel kromatik dan skel major, minor dan Dominan *bebop*. Rajah di bawah menunjukkan skel G Dominan *bebop*.



Rajah 1. Tangga Nada G Dominan Bebop (Terefenko, 2017)

Rajah di atas menunjukkan skel G dominan *bebop*. Skel di atas mempunyai sebuah not tambahan F# yang diambil daripada skel G Mixolydian. Not tambahan F# inilah yang menjadikan skel ini sebagai G dominan *bebop* dan berfungsi sebagai *passing tone* untuk mencapai ke not sasaran yang berikutnya, sama ada F atau G. Rajah di bawah menunjukkan mengenai *approach tones* dan tona sasaran.



Rajah 2. Penggunaan Approach Tones ke Target Tone

Rajah di atas menunjukkan kaedah menggunakan *approach tone* untuk ke tona sasaran. Not F dalam contoh di atas adalah merupakan not ketujuh dalam triad kord G7. Pendekatan inilah yang menjadikan sesebuah improvisasi itu sebagai *bebop line* (Ripos, 2015).

Terma latihan terancang secara umumnya tidak terbatas kepada bidang muzik sahaja, sebaliknya, latihan terancang juga berkaitan dengan bidang seperti guru dan ahli sukan. Latihan terancang itu sendiri

merujuk kepada sebuah program latihan yang mempunyai sasaran dan berpandukan kepada tugas yang ditentukan terlebih dahulu (Memmert, 2015).

Latihan terancang adalah merupakan latihan yang disusun dan dilakukan secara berulang. Objektif bagi latihan terancang adalah untuk memahirkan seseorang dan menajamkan kemahiran mereka dalam sesuatu bidang tertentu seperti bidang pendidikan dan sukan (Aafjes-van Doorn & Gutterman, 2023; Memmert, 2015; Dunn & Shriner, 1999). Latihan terancang juga mempunyai impak yang positif dalam bidang perniagaan (Neal, 2014).

Latihan terancang mempunyai empat prinsip utama. Prinsip pertama adalah usaha dan fokus yang berterusan dalam tempoh masa tertentu perlu ditumpukan untuk meningkatkan kemahiran. Prinsip kedua adalah guru atau mentor perlu terlibat sebagai pembantu atau mentor. Prinsip ketiga adalah mereka yang menggunakan latihan terancang perlu mendapatkan maklum balas dengan segera serta berterusan. Akhir sekali, mereka melakukan latihan yang berkaitan dengan kemahiran yang ingin ditingkatkan, namun, di luar situasi yang sebenar. Ini bermakna mereka perlu memperuntukkan masa khusus untuk latihan terancang (Rousmaniere et al., 2017).

Latihan terancang dianggap berkesan kerana mempunyai pendekatan yang teratur dan bersistematik. Dalam melakukan latihan terancang, seseorang perlu memastikan supaya matlamat yang ingin mereka capai boleh diukur menggunakan objektif yang telah mereka rangkakan serta mengikut kesesuaian masa yang telah mereka tetapkan. Setiap perkembangan, sama ada perkembangan kecil atau besar adalah boleh dianggap sebagai sebuah kejayaan. Selain itu, mereka yang melakukan latihan terancang juga perlu mengenal pasti masalah dalam latihan yang dilakukan dan menyelesaikannya (Whittingham & Coyne, 2019).

Latihan terancang juga berlaku dalam pusat latihan muzik dan akademi muzik. Ini dapat dilihat apabila guru muzik atau tenaga pengajar memberikan arahan yang bersesuaian kepada pelajar dan memberikan petunjuk kepada mereka untuk mengenal pasti latihan yang dapat membantu diri mereka sendiri mengikut keperluan mereka dalam pencapaian berkaitan muzik. Ini merupakan sebuah bentuk latihan terancang. Pelajar juga akan dapat menunjukkan perbezaan tahap pencapaian selepas mengikuti latihan terancang tersebut. Kejayaan latihan terancang bergantung kepada tempoh masa dan kualiti latihan yang dilakukan (Ericsson & Harwell, 2019).

Latihan terancang memerlukan beberapa faktor seperti interaksi berterusan dengan aktiviti berkaitan dengan domain, objektif yang jelas untuk penambahbaikan perlu diberikan dalam latihan, setiap percubaan untuk menunjukkan pencapaian objektif latihan perlu diberikan maklum balas segera, pelajar perlu diberikan peluang untuk mengulang tugas yang sama, reka bentuk latihan yang disesuaikan dengan diri pelajar, dan guru perlu memberikan urutan dan aturan aktiviti yang sesuai berserta arahan yang jelas tentang cara membaiki kesilapan pelajar untuk memberikan kesan yang positif kepada mereka yang mengikuti proses latihan terancang (Harwell & Southwick, 2021).

Sorotan literatur ini membincangkan improvisasi Jazz, bebop lines, dan latihan terancang yang berkaitan dengan kajian mencari kaedah untuk melakukan improvisasi dalam lagu Zain Azman berpandukan konsep bebop jazz. Menurut Mokhzani (2021), melodi dalam muzik Jazz berfungsi sebagai panduan, tetapi pemain perlu menggunakan kreativiti sendiri untuk memperindah melodi yang telah ditulis. Walau bagaimanapun, ramai pemain muda menghadapi kesukaran untuk melakukan improvisasi jazz yang berasaskan harmoni. Ilmu improvisasi amat penting bagi pemain trombon untuk menjelaskan improvisasi yang mereka lakukan. Kajian ini juga bertujuan untuk menilai keberkesanan latihan terancang dalam meningkatkan kemahiran pemain dalam improvisasi. Latihan terancang digunakan sebagai metodologi oleh penyelidik untuk melatih kemahiran bermain trombon, khususnya dalam improvisasi untuk lagu Zain Azman.

Metodologi

Kajian yang akan dilakukan ini mempunyai objektif untuk melihat keberkesanan latihan terancang untuk meningkatkan kemahiran improvisasi trombon jazz bebop menggunakan lagu nyanyian Zain Azman. Untuk tujuan ini, penulis telah menggunakan pendekatan kajian kualitatif untuk asas kajian. Secara lebih khususnya, pengkaji melakukan kaedah kajian berlandaskan amalan (*practice-led research*). Ini bermakna kajian penulis menjadi medan di mana penulis akan mengkaji sama ada amalan yang dilakukan akan memberikan keberkesanan kepada amalan persembahan yang dilakukan dalam kehidupan penulis sebagai seorang pemuzik

profesional. Berdasarkan prinsip kajian berlandaskan amalan, kajian ini akan mengkaji sama ada latihan terancang yang dilakukan akan memberikan keberkesanan kepada amalan persembahan yang melibatkan improvisasi Jazz Trombone menggunakan pendekatan bebop unuk lagu nyanyian Zain Azman.

Dapatan Kajian

Latihan terancang bagi improvisasi Jazz trombon menggunakan pendekatan bebop pada lagu nyanyian Zain Azman dilakukan menggunakan pendekatan yang teratur, seiring dengan definisi latihan terancang itu sendiri yang menerangkan mengenai latihan yang mempunyai sasaran dan berpandukan kepada tugasan yang ditentukan terlebih dahulu (Memmert, 2015).



Rajah 3. Peringkat dan Aliran Aktiviti dalam Latihan Terancang

Setiap sesi latihan terancang berlangsung selama sejam ke dua jam dan mempunyai tiga peringkat. Ini bergantung kepada kelapangan masa dan kepantasan pengkaji memenuhi objektif yang telah dirancang untuk setiap sesi. Peringkat-peringkat ini akan diulang guna dalam setiap sesi latihan terancang yang dilakukan. Rajah 1 di atas menunjukkan peringkat dan aliran aktiviti dalam latihan terancang.

Peringkat pertama latihan terancang adalah peringkat pemanasan badan atau pemanasan alat muzik. Dalam peringkat ini, pengkaji akan memainkan not panjang (contohnya: not A) selama beberapa bar tanpa henti. Pengkaji juga akan memainkan skel yang bersesuaian dengan lagu yang akan dimainkan. Begitu juga dengan latihan tiupan *triad*. Pengkaji akan memainkan *triad* mengikut skel dan *key* yang bersesuaian. Contohnya, dalam skala A minor, *triad* yang akan dimainkan adalah terdiri daripada A, C dan E atau B, D dan juga F. Ini untuk memastikan tiupan yang dilakukan oleh pengkaji adalah tepat, bermutu dan mempunyai tona bunyi yang sepatutnya.

Peringkat kedua latihan terancang adalah bahagian latihan lagu dan melodi. Untuk tujuan ini, pengkaji telah melakukan latihan tiupan mengikut skel bebop yang berpandukan kepada *key* lagu yang akan dimainkan. Selepas itu, barulah latihan meniup melodi mengikut lagu yang menjadi objektif pada sesi itu akan dilakukan. Tujuan latihan lagu ini dilakukan adalah untuk memastikan pengkaji mengecam dan mengingat pergerakan kord dan juga melodi yang akan dimainkan. Ini juga bagi memastikan pengkaji dapat mengenal pasti ruang yang sesuai untuk improvisasi.

Peringkat terakhir dalam proses latihan terancang adalah proses latihan improvisasi. Pengkaji akan memainkan lagu dan cuba memasukkan improvisasi yang bersesuaian dengan lagu yang menjadi objektif latihan terancang pada hari tersebut. Ini akan membantu pengkaji untuk memahami dan mengenal pasti kaedah improvisasi yang bersesuaian dengan lagu tersebut.

Perbincangan

Pengkaji telah memfokuskan penggunaan Latihan Terancang sebagai sebuah cara untuk merealisasikan idea dan membentuk proses kreatif artistik perkara-perkara yang akan dilakukan dalam persembahan berpandukan rancangan pengkaji untuk melakukan improvisasi *bebop lines* untuk lagu-lagu nyanyian Zain Azman. Selain itu, pada masa yang sama, proses kreatif artistik ini juga adalah sebuah kaedah untuk pengkaji mencari akedah menggunakan pendekatan penggunaan Latihan Terancang.

Persembahan improvisasi Jazz trombon menggunakan pendekatan bebop pada lagu nyanyian Zain Azman yang dilakukan menggunakan pendekatan untuk menjadikan pemain trombon Jazz sebagai seorang yang berperanan sebagai pemain solo. Sekali gus, menarik perhatian kepada pemain trombon tersebut. Persembahan yang dilakukan akan menunjukkan perjalanan yang dilalui oleh pengkaji sebagai pemain trombon jazz yang cetek pengetahuannya berkenaan dengan improvisasi sehinggalah perubahan yang berlaku selepas aplikasi kaedah Latihan Terancang digunakan untuk membangunkan kemahiran diri untuk membuat improvisasi *bebop line*.

Latihan terancang adalah penting kerana latihan jenis ini membantu seseorang pemuzik untuk berlatih dengan matlamat dan struktur latihan yang telah ditetapkan. Ini sekali gus mempengaruhi motivasi dan perhatian pemuzik tersebut dalam sesi latihan. Pemuzik yang mempunyai lebih banyak pengalaman selalunya akan mendapat manfaat yang lebih daripada latihan terancang berbanding mereka yang kurang berpengalaman.

Pengkaji turut membuat beberapa notasi menggunakan tangga nada bebop dengan pelbagai bentuk ritma untuk dijadikan bahan latihan berdasarkan kesesuaian *range* dan posisi alat muzik trombon sebagai persediaan untuk membuat improvisasi. Ini selari dengan prinsip latihan terancang atau *Deliberate Practice* yang menekankan kepentingan untuk meletakkan sesebuah matlamat, seperti melakukan pembetulan kepada kesilapan dalam teknik permainan yang telah dikenal pasti untuk menstruktur program latihan agar lebih efektif (Rink, Gaunt & Williamon, 2017).

Bagi aspek teknikal pula, pengkaji telah menjadikan teknik memainkan notasi cara sebutan yang digunakan untuk *tonguing* dalam gaya swing sebagai salah sebuah matlamat dalam latihan seperti disarankan oleh prinsip latihan terancang atau *Deliberate Practice*. Pengkaji juga telah mengaplikasikan teknik yang berbeza berbanding teknik pernafasan klasikal ketika melontarkan tiupan pada permainan muzik *jazz swing* terutamanya semasa sesi latihan terancang. Pengkaji juga berlatih secara terancang berpanduan objektif latihan untuk memahirkan diri untuk mengaplikasikan nada yang sesuai di antara posisi penjarian 1, 2, 3 dan 4 yang merupakan posisi penjarian yang selesa pada pemain untuk memainkan dengan tempo yang laju. Pendekatan-pendekatan ini adalah selari dengan konsep latihan terancang (Rink, Gaunt & Williamon, 2017).

Rumusan

Terdapat beberapa kesan yang dapat dilihat daripada penggunaan latihan terancang untuk melatih improvisasi Jazz trombon menggunakan pendekatan bebop pada lagu nyanyian Zain Azman. Salah sebuah daripadanya adalah pengkaji mampu untuk mengembangkan dapat mengembangkan melodi lagu menggunakan elemen bebop *line* secara spontan berdasarkan pergerakan *family chord*. Ini selari dengan kelebihan latihan terancang yang membolehkan melakukan aktiviti yang berulang-ulang untuk mencapai matlamat untuk memainkan improvisasi jazz trombon menggunakan pendekatan bebop pada lagu nyanyian Zain Azman. Latihan terancang yang digunakan dalam proses untuk melatih improvisasi Jazz trombon menggunakan pendekatan bebop pada lagu nyanyian Zain Azman telah memberikan kesan yang positif kepada kemahiran permainan alat muzik dalam tempoh jangka masa panjang pengkaji. Latihan terancang turut menjadikan pengkaji sebagai seorang yang lebih fokus kepada objektif yang hendak dicapai, iaitu untuk melatih kemahiran untuk melakukan improvisasi Jazz trombon menggunakan pendekatan bebop pada lagu nyanyian Zain Azman.

Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa pemuzik akan memberikan tumpuan yang lebih kepada perancangan, penyeliaan dan kawalan gaya permainan mereka semasa dalam latihan dan mencari cara untuk menambahbaik kemahiran mereka. Perkara yang sama telah dialami oleh pengkaji semasa mengikuti sesi latihan terancang yang dirancang dan disusun sendiri. Pengkaji mendapati bahawa pengkaji akan lebih memberikan perhatian kepada permainan alat muzik untuk memastikan objektif membuat improvisasi *bebop line* semasa sesi latihan tersebut berjaya dicapai.

Salah satu kepentingan lain latihan terancang adalah untuk memastikan latihan berfungsi sebagai sebuah kaedah yang melibatkan proses membaiki kesilapan yang sama dan mungkin akan mengambil masa yang lama serta berulang-ulang. (Rink, Gaunt & Williamon, 2017) mengatakan bahawa latihan selalunya melibatkan proses membaiki kesilapan yang sama dan mungkin akan mengambil masa yang lama serta berulang-ulang. Latihan terancang pula adalah latihan yang melibatkan proses perancangan, penyeliaan dan kawalan permainan pemuzik semasa dalam latihan. Selain itu, latihan terancang juga membantu adalah sebuah dan mencari cara untuk menambahbaik kemahiran mereka.

Salah satu daripada kesan latihan terancang yang mungkin tidak begitu ketara adalah pengkaji mempunyai pemikiran yang lebih positif dan bermotivasi. Ini berkaitan dengan kenyataan yang menyebut bahawa latihan dan penglibatan dalam muzik membantu seseorang itu mempunyai minda yang lebih sihat dan kehidupan yang lebih positif yang boleh dikaitkan dengan idea (Rink, Gaunt & Williamon, 2017) bahawa latihan terancang ialah aktiviti yang melibatkan penetapan matlamat, membahagikan tugas, mewujudkan rutin, latihan secara intensif, dan menasihati diri anda untuk berfikir secara positif semasa latihan.

Satu lagi kesan yang jelas adalah peningkatan kemahiran pengkaji dalam melakukan aktiviti berkaitan dengan permainan alat muzik, khususnya teknik-teknik permainan yang sebelum ini tidak begitu kemas permainannya menjadi lebih kemas dan teratur. Bagi pengkaji, ini berlaku selepas pelaksanaan latihan terancang. Oleh itu, pengkaji berasa yakin ini adalah kesan daripada latihan tersebut. Ini juga berkaitan dengan pandangan bahawa urutan latihan terancang dan latihan persendirian ini juga boleh dikaitkan dengan latihan yang dirancang atau latihan yang disengajakan, yang telah terbukti memberi kesan positif kepada kemahiran alat muzik dalam jangka masa Panjang.

Pengakuan

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada pengiktirafan khusus untuk karya ini. Manuskrip ini dibangunkan secara bebas, tanpa pembiayaan luar, penajaan institusi, atau bantuan kerjasama yang memerlukan pengiktirafan rasmi.

Rujukan

- Aafjes-Van Doorn, K., & Gutterman, D. (2023). Psychotherapy current evidence and trends. In H. S. Freidman & C. H. Markey (Eds.), *Encyclopedia of Mental Health* (3rd ed., pp. 905-913). Academic Press.
- Bailey, D. (1992). *Improvisation: Its nature and practice in music*. Da Capo Press.
- Berliner, P. F. (1994). *Thinking in jazz: The infinite art of improvisation*. University of Chicago Press.
- Coker, J. (2010). *Improvising jazz*. Simon & Schuster.
- Dunn, T. G., & Shriner, C. (1999). Deliberate practice in teaching: What teachers do for self-improvement. *Teaching and Teacher Education*, 15(6), 631-651.
- Ericsson, K. A., & Harwell, K. W. (2019). Deliberate practice and proposed limits on the effects of practice on the acquisition of expert performance: Why the original definition matters and recommendations for future research. *Frontiers in Psychology*, 10, 2396. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.02396>
- Fraser, W. A. (1983). *Jazzology: A study of the tradition in which jazz musicians learn to improvise* [Unpublished doctoral dissertation]. University of Pennsylvania, Philadelphia.
- Gioia, T. (1988). *The imperfect art: Reflections on jazz and modern culture*. Oxford University Press.
- Harwell, K., & Southwick, D. (2021). Beyond 10,000 hours: Addressing misconceptions of the expert performance approach. *Journal of Expertise*, 4(2), 220-233.
- Jackson, M. (2018). *The history of jazz*. GRIN Verlag.
- Memmert, D. (2015). *Teaching tactical creativity in sport: Research and practice*. Routledge.
- Neal, K. L. (2014). *Six key communication skills for records and information managers*. Chandos Publishing.
- Pugatch, J. (2006). *Acting is a job: Real-life lessons about the acting business*. Skyhorse Publishing.
- Rink, J. S., Gaunt, H., & Williamon, A. (Eds.). (2017). *Musicians in the making: Pathways to creative performance* (Vol. 1). Oxford University Press.
- Riposo, J. (2015). *Target and approach tones*. Alfred Music.
- Rousmaniere, T., Goodyear, R. K., Miller, S. D., & Wampold, B. E. (Eds.). (2017). *The cycle of excellence: Using deliberate practice to improve supervision and training*. John Wiley & Sons.
- Salvatore, J. A. (1970). *Jazz improvisation: Principles and practices relating to harmonic and scale resource* [Unpublished doctoral dissertation]. The Florida State University, Tallahassee.